

Memorandum

No. Ruj. : USM. 38/8 Jld.III

Tarikh : 6 Mac 2026

Kepada : Semua Staf
Universiti Sains Malaysia (USM)

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel : 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 15 TAHUN 2026

- PEMAKLUMAN PENGGUNAAN SISTEM PERMOHONAN PERJALANAN RASMI KE LUAR NEGARA (SISTEM BKLN), KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat edaran bertarikh 30 Januari 2026 bertajuk Pemakluman Penggunaan Sistem Permohonan Perjalanan Rasmi Ke Luar Negara, Kementerian Pendidikan Tinggi [No. Ruj. : [KPT.W.100-14/1/1 JLD 11 (19)] adalah berkaitan.

2. Sebagaimana YBhg. Dato' Seri/Dato'/Datin/tuan/puan sedia maklum, berdasarkan peraturan sedia ada, semua permohonan staf Universiti ini sama ada secara individu atau delegasi untuk ke luar negara atas tugas rasmi perlu dikemukakan menggunakan Sistem **E-OTRA**.

3. Berdasarkan surat edaran tersebut, Bahagian Kewangan KPT dengan Kerjasama Bahagian Pengurusan Maklumat KPT telah membangunkan Sistem Permohonan Perjalanan Rasmi Ke Luar Negara (Sistem BKLN). Sistem BKLN mula digunakan secara rasmi dan terpakai kepada semua staf yang memerlukan kelulusan Ketua Setiausaha KPT (KSU KPT) bagi tujuan bertugas rasmi ke luar negara. Sistem berkenaan boleh diakses melalui <https://blkn.mohe.gov.my/>. Bagi permohonan perjalanan rasmi ke luar negara yang memerlukan kelulusan KSU KPT, staf perlu membuat **permohonan sebanyak dua (2) kali iaitu melalui Sistem E-OTRA dan Sistem BKLN**. Prosedur baharu ini adalah di luar kawalan pihak Universiti. Pejabat Unit Perkhidmatan dan Saraan (Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar) selaku urus setia bagi permohonan ini akan menghubungi pemohon (kali pertama sahaja) dan akan mendaftarkan pemohon menggunakan emel rasmi staf untuk mendapatkan akses sebagai **delegasi** di Sistem BKLN. Peranan **delegasi** adalah melengkapkan anggaran perbelanjaan individu dan merekodkan sejarah perjalanan rasmi ke luar negara.

4. Sehubungan itu, YBhg. Dato' Seri/Dato'/Datin/tuan/puan dimohon untuk memberi perhatian mengenai garis panduan sedia ada di Hebahan Pendaftar Bil. 9 Tahun 2025 yang bertarikh 6 Februari 2025 (No. Ruj.: USM. 38/8 Jld.III).

5. Bersama ini juga dilampirkan manual pengguna bagi **Modul Delegasi** untuk perhatian, kefahaman dan rujukan YBhg. Dato' Seri/Dato'/Datin/tuan/puan. Sebagai panduan untuk mengakses Sistem BKLN, YBhg. Dato' Seri/Dato'/Datin/tuan/puan boleh terus merujuk muka surat lima (5) dalam manual yang dilampirkan.

6. Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato' Seri/Dato'/Datin/tuan/puan dalam mematuhi perkara ini adalah amat dihargai agar proses kelulusan semua permohonan ke luar negara atas tugas rasmi dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur.

7. Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

...2/-




HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 15 TAHUN 2026

- **PEMAKLUMAN PENGGUNAAN SISTEM PERMOHONAN PERJALANAN RASMI KE LUAR NEGARA (SISTEM BKLN), KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)**
-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SARINA BINTI RAZAK)

Timbalan Pendaftar

Bahagian Sumber Manusia

- Menjalankan Fungsi Ketua Bahagian Sumber Manusia

s.k. Naib Canselor

Timbalan-timbalan Naib Canselor

Pendaftar

Bendahari

Penasihat Undang-Undang